

Pemuda UMNO siasat

TEMERLOH, Selasa — Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Temerloh memandang serius kegiatan memujuk orang Melayu menjual tanah dalam kawasan bandar yang dikatakan berleluasa di daerah ini sekarang.

Naib Ketua Pergerakan itu, Haji Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata kegiatan mereka itu boleh disifatkan sebagai satu pengkhianatan serta dengki yang bukan sahaja bertentangan dengan prinsip Rukunegara, tetapi juga terkeluar dari matlamat kerajaan memesatkan pembangunan bandar serta memberi peluang pembangunan yang lebih banyak kepada berbagai rakyat di negeri ini.

UMNO Bahagian katanya sungguh kesal dengan kegiatan tersebut dan akan menjalankan siasatan secara terperinci untuk mengetahui kedudukan sebenarnya.

"Yang paling kesal ialah jika mereka yang terlibat itu terdiri dari orang politik sendiri," katanya.

Haji Abdul Aziz yang juga Exco Kerajaan Negeri ketika dihubungi di Kuantan petang ini, memberitahu tidak sepatutnya orang tengah mengambil kesempatan memperalatkan orang-orang tertentu sebagai broker untuk kepentingan mereka.

Menjaga

Beliau tidak menolak kemungkinan kegiatan tersebut dilakukan dengan tujuan mengurangkan pengundi-pengundi Melayu di kawasan bandar di samping hendak memecahbelahkan politik orang Melayu khasnya.

Haji Abdul Aziz berkata Pemuda UMNO sedia membantu mereka terutamanya orang-orang Melayu untuk mencari pemaju perumahan bagi membangunkan sesuatu projek di kawasan tanah mereka.

"Pergerakan Pemuda tidak berniat menjadi dalang dengan mencari untung, tetapi semata-mata bagi menjaga kepentingan orang Melayu khasnya Bumiputera tidak akan terlepas ke tangan orang tengah yang sentiasa mencari kesempatan menanggung keuntungan," tegasnya.

Pujukan

Menurut Haji Abdul Aziz lagi, dalam saat negeri ini membangun memang ramai orang sedia ke depan ataupun menjadi dalang kerana mereka akan mengambil kesempatan dari kuasa yang diberikan itu.

"Tetapi bagi Pemuda UMNO Temerloh, tidak berniat sedemikian dan ia semata-mata ikhlas untuk menjaga kepentingan orang Melayu supaya di suatu hari nanti orang-orang Melayu dapat bergerak sendiri tanpa bergantung kepada orang lain," tambahnya.

Beliau yang juga ADUN Bandar Mentakab menasihatkan orang Melayu terutamanya kawasan ini jangan mudah terpengaruh dengan pujukan orang-orang luar yang hendak membeli tanah mereka walaupun dengan harga tinggi.